



PENGUNAAN STRATEGI KOGNITIF DALAM PEMBELAJARAN NAHU ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR IPG KAMPUS IPOH TERAS PENDIDIKAN ISLAM

[THE USE OF COGNITIVE STRATEGIES IN LEARNING OF ARABIC GRAMMAR AMONG ISLAMIC EDUCATION CORE IPG STUDENTS IPOH CAMPUS]

Yusoff Yaacob¹ & Azman Che Mat^{2*}

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, 31150 Hulu Kinta, Ipoh, Perak, Malaysia

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Sura
Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author: azman531@uitm.edu.my

Received: 20/12/2022

Accepted: 19/1/2023

Published: 31/3/2023

Abstrak

Strategi kognitif ialah strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang paling popular dalam kalangan pengkaji. Namun kajian mengenai penggunaannya dalam pembelajaran nahu Arab masih perlu dilakukan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengukur tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran nahu Arab dan menentukan sub-strategi yang paling kerap digunakan berdasarkan skor min. Walaupun SBP adalah sesuatu yang boleh diajar kepada pelajar, pendidik Bahasa Arab perlu mengetahui strategi yang sedang digunakan oleh pelajar sebelum merangka tindakan selanjutnya. Selain itu, ketiadaan inventori strategi pembelajaran Bahasa Arab yang disepakati juga mendorong kajian ini dijalankan. Peserta kajian terdiri daripada 73 orang pelajar IPG Kampus Ipoh teras Pendidikan Islam. Data dikumpul melalui soal selidik secara dalam talian. Item soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian yang mewakili lima sub-strategi kognitif yang dibina berdasarkan model SBP yang dikemukakan oleh Oxford (1990) dan O'Malley & Chamot (1990). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi kognitif berada pada tahap sederhana sahaja (purata min. 3.17). Manakala sub-strategi yang paling kerap digunakan ialah pengurusan nota (min. 3.44) dan sub-strategi yang paling kurang digunakan ialah latihan (2.53). Dapatan ini menunjukkan bahawa peserta kajian tidak memanipulasi bahan-bahan pembelajaran Bahasa Arab secara optimum untuk meningkatkan penguasaannya. Sehubungan dengan itu, pengkaji

berpendapat bahawa pendidik bahasa Arab perlu mendedahkan SBP kepada pelajar terutamanya strategi kognitif dan melatih mereka mengoptimumkan manipulasi bahan-bahan pembelajaran secara berkesan.

Kata kunci: strategi pembelajaran bahasa, strategi kognitif, sub-strategi, nahu Arab, bahasa asing

Abstract

Cognitive strategy is the most popular language learning strategy (LLS) among researchers. However, research on its use in learning Arabic still needs to be done. Therefore, this study aims to measure the level of cognitive strategy use in learning Arabic and determine the most frequently used sub-strategies based on the mean score. Participants in the study consisted of 73 IPG students from Ipoh Core Islamic Education Campus. Although LLS is something that can be taught to students, Arabic educators need to know the strategies being used by students before devising further actions. In addition, the absence of an agreed inventory of Arabic learning strategies also prompted this study to be carried out. Data was collected through an online questionnaire. Questionnaire items are divided into five sections representing five cognitive sub-strategies built on the SBP model presented by Oxford (1990) and O'Malley & Chamot (1990). The findings of the study show that the level of cognitive strategy use is only at a moderate level (average min. 3.17). While the most frequently used sub-strategy is note management (min. 3.44) and the least used sub-strategy is training (2.53). The findings also show that the participants do not optimise the use of Arabic learning materials to improve their proficiency. Accordingly, the researchers suggest that Arabic educators to expose LLS to their students particularly the cognitive strategies and train them to optimise the manipulation of Arabic learning materials effectively.

Keywords: language learning strategies, cognitive strategies, sub-strategies, Arabic grammar, foreign language

Cite as: Yaacob, Y., & Che Mat, A. (2023). Penggunaan Strategi Kognitif dalam pembelajaran Nahu Arab dalam kalangan pelajar IPG Kampus Ipoh Teras Pendidikan Islam [The use of Cognitive Strategies in learning of Arabic grammar among Islamic education core IPG Students Ipoh Campus]. *Afaq Lughawiyyah*, 1(1), 139-161. <https://doi.org/10.37231/afaq.2023.1.1.30>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Pemerolehan bahasa asing sangat bergantung kepada usaha sendiri pelajar bahasa tersebut. Tanpa strategi pembelajaran yang berkesan daripada pihak pelajar bahasa, proses pengajaran oleh guru-guru bahasa tidak akan membuahkan hasil yang memuaskan. Oleh yang demikian, pelajar bahasa asing perlu mengetahui strategi pembelajaran bahasa yang berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa asing yang dipelajari.

Bahasa merupakan satu sistem yang kompleks. Oleh itu, ia memerlukan proses kognitif yang kompleks juga untuk memahami peraturan-peraturannya seterusnya mengaplikasikan peraturan-peraturan tersebut dalam aktiviti berbahasa.

Suhaidah et al. (2015) dalam kajiannya mengenai penggunaan strategi pembelajaran nahu dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di negeri Perak mendapati bahawa penggunaan strategi kognitif secara keseluruhan berada pada tahap sederhana sahaja. Selanjutnya, para pengkaji telah meneliti tahap penggunaan strategi-strategi pembelajaran nahu mengikut tahap pencapaian peserta kajian iaitu cemerlang, sederhana, dan lemah. Hasil penelitian menunjukkan bahawa pelajar cemerlang dan sederhana kurang menggunakan strategi kognitif iaitu pada tahap rendah. Walaupun bagaimanapun, kajian ini tidak meneliti perbezaan kekerapan penggunaan strategi antara pelajar cemerlang, sederhana dan lemah. Perbezaan ini boleh menjadi indikator kepada hubungan antara penggunaan SBP dan tahap pencapaian.

Kajian Norjuwaini & Harun (2021) yang melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga menunjukkan hasil yang sama. Daripada empat strategi iaitu metakognitif, afektif, sosial dan kognitif, hanya strategi metakognitif sahaja mencapai tahap tinggi. Manakala strategi-strategi lain hanya berada pada tahap sederhana. Malah, strategi kognitif adalah yang paling rendah penggunaannya. Dapatan ini telah mentafsirkan tahap sederhana yang dicapai oleh peserta kajian dalam penguasaan aspek masa kata kerja Arab seperti yang dikaji oleh kedua-dua pengkaji. Dengan kata lain, pencapaian sederhana tersebut berkait dengan tahap penggunaan strategi pembelajaran yang sederhana.

Kajian Norjuwaini & Harun di atas telah menggambarkan bahawa SPB juga adalah pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa. Salah satunya ialah tahap penguasaan bahasa yang dipelajari. Kamarul Shukri et al. (2009) telah menyatakan bahawa beberapa kajian mengenai hubungan SPB dengan penguasaan bahasa menunjukkan strategi pembelajaran memberi kesan positif terhadap prestasi bahasa. Penggunaan SPB juga adalah salah satu faktor yang menjelaskan fenomena sebilangan pelajar sentiasa berjaya berbanding pelajar lain dalam pembelajaran bahasa.

Sehubungan dengan itu penggunaan SBP sering dikaitkan dengan dengan tahap penguasaan bahasa yang dipelajari. Chamot (2004), ketika mengulas mengenai kepelbagaian dapatan kajian mengenai perbezaan antara jantina dalam penggunaan SBP, menyatakan bahawa kaitan antara SBP dan tahap kefasihan pelajar adalah jauh lebih jelas berbanding perbezaan antara jantina. Beliau seterusnya menegaskan bahawa perbezaan antara pelajar lebih fasih dan pelajar kurang fasih telah didapati dalam sebilangan strategi yang digunakan, dalam cara bagaimana strategi-strategi diaplikasi ke atas tugas bahasa, dan dalam kesesuaian strategi dengan tugas tersebut. Di samping menegaskan kaitan rapat antara SBP dan tahap penguasaan bahasa, kenyataan ini juga bermakna dua perkara. Pertama, keberkesanan strategi juga bergantung kepada jenis tugas dan cara pelaksanaan strategi tersebut. Kedua, setiap kompenan bahasa memerlukan strategi pembelajaran yang berbeza. Oleh yang

demikian, pembelajaran nahu Arab yang merupakan sebahagian daripada tatabahasa, memerlukan strategi yang berbeza daripada strategi pembelajaran komponen-komponen BA yang lain.

Anderson (2005) pula menegaskan bahawa kajian-kajian lampau yang telah dijalankan secara konsisten menghubungkan antara penggunaan strategi dengan tahap penguasaan bahasa kedua. Menurut beliau, pelajar bahasa kedua yang berjaya mempunyai kepelbagaian strategi yang luas dan menggunakannya dengan efektif. Pada masa yang sama, kajian-kajian lampau juga menyokong teori bahawa pelajar bahasa kedua yang kurang berjaya bukan sahaja menggunakan sedikit strategi malah cara penggunaannya juga kurang efektif. Antara dapatan penting kajian beliau juga ialah, tiada strategi yang baik dan strategi yang kurang baik. Sebaliknya, perbezaan tahap penguasaan berlaku kerana perbezaan dalam pelaksanaan strategi tersebut.

Kajian Norjuwaini & Harun dan kajian Kamarul Shukri et al. yang dinyatakan di atas boleh dirujuk sebagai kajian-kajian terawal mengenai kaitan antara penggunaan SBP dan tahap penguasaan BA. Manakala Kamarul Shukri et al. (2009) dalam kajian yang sama telah berjaya membuktikan bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan SPB berdasarkan tahap penguasaan BA. Kajian mereka telah dilaksanakan di sepuluh buah sekolah menengah agama Terengganu dan melibatkan 460 pelajar. Antara dapatan penting kajian tersebut ialah pelajar cemerlang bahasa (PCB) lebih banyak menggunakan SPB secara keseluruhan dan berdasarkan tujuh kategori utama berbanding pelajar sederhana bahasa (PSB) dan pelajar lemah bahasa (PLB).

Manakala, kajian Kamarul Zaman (2016) pula adalah lebih spesifik apabila beliau menjuruskan kajian beliau kepada kepada strategi pembelajaran nahu Bahasa Arab (SPNBA) dan hubungannya dengan tahap pencapaian. Kajian telah dijalankan di sekolah-sekolah menengah agama negeri (SMAN) di negeri Perak yang dikelola oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Antara dapatan kajian tersebut ialah pelajar cemerlang nahu lebih kerap menggunakan SPNBA berbanding pelajar sederhana dan lemah. Walaubagaimanapun, dari segi penggunaan SPNBA secara keseluruhan, tahap penggunaannya hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Namun demikian, dapatan ini menunjukkan perbezaan pencapaian berlaku disebabkan oleh perbezaan kekerapan penggunaan SPNBA.

Namun, terdapat juga kajian yang menafikan wujudnya hubungan antara penggunaan strategi pembelajaran nahu dan tahap pencapaian. Siti Aishah et al. (2018) dalam kajian terhadap pelajar-pelajar jurusan BA di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mendapati bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran nahu tidak semestinya menatijahkan pencapaian yang tinggi dalam subjek nahu. Beliau berpendapat bahawa ketiadaan hubungan ini disebabkan oleh beberapa sebab seperti tahap pengetahuan pelajar mengenai strategi dan sistem pengajian yang berorientasikan peperiksaan. Ini menyebabkan pelajar hanya fokus kepada mendapat markah cemerlang dalam peperiksaan sahaja dan mengabaikan perkembangan bahasa dalam diri mereka. Pengkaji berpendapat bahawa fokus ini menyebabkan mereka menumpukan perhatian kepada teknik menjawab soalan dan mengabaikan

penguasaan bahasa itu sendiri. Natijahnya, mereka tidak begitu mengambil berat mengenai SBP yang betul untuk menguasai bahasa.

Rumusan yang dapat disimpulkan daripada kajian-kajian di atas ialah wujudnya garis halus yang membezakan antara tahap pencapaian dan tahap penguasaan. Tahap pencapaian tidak semestinya menunjukkan tahap penguasaan. Hal ini kerana pencapaian diukur melalui kaedah-kaedah pentaksiran seperti tugasan kerja kursus, ujian formatif dan peperiksaan akhir. Pelajar boleh mencapai pencapaian yang tinggi jika menguasai teknik menjawab soalan dengan baik. Manakala penguasaan diukur berdasarkan kemampuan menggunakan bahasa dalam pelbagai aktiviti iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis sama ada dalam situasi pembelajaran mahupun situasi sebenar. Instrumen pengukuran tahap penguasaan juga sangat luas berbanding pencapaian. Oleh yang demikian, sering kali berlaku pelajar gagal menjawab soalan peperiksaan dengan fakta yang betul tetapi bahasa yang digunakannya adalah tepat dari segi kosa kata, morfologi, sintaksis, gaya bahasa dan lain-lain. Sebaliknya juga, terdapat pelajar yang dapat mengemukakan fakta yang betul tetapi bahasa yang digunakan sangat lemah. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat, SBP, termasuk strategi pembelajaran nahu adalah penting untuk penguasaan BA tetapi ia tidak dapat menjamin tahap pencapaian.

Selain daripada pengaruh terhadap tahap penguasaan bahasa, SPB juga mempengaruhi cara pelajar merancang pembelajaran sama ada dalam kelas, luar kelas dan ketika menghadapi peperiksaan. Ia juga mempengaruhi pengurusan, cara dan amalan belajar dalam kalangan pelajar (Linamalini & Kamarul Shukri, 2014).

Nahu Arab

Nahu mengikut Muṣṭafā (2014) ialah peraturan untuk membentuk "*kalām*" (atau bicara), dan penerangan mengenai bagaimana keadaan sesuatu perkataan itu berada dalam ayat, ayat dengan ayat-ayat yang lain, sehingga tersusun sesuatu pernyataan dan mampu menunaikan maknanya. Kenyataan ini telah disokong oleh 'Abduh (1979) yang menegaskan bahawa tatabahasa ialah peraturan yang dengannya *kalām* terbentuk daripada pelbagai komponen iaitu peraturan fonetik yang berkaitan dengan lafaz perkataan atau sekumpulan perkataan, peraturan morfologi yang berkaitan dengan acuan perkataan dan imbuhan-imbuhanannya, peraturan sintaksis yang berkaitan dengan susunan ayat dan akhir sekali baris-baris perkataan dalam ayat tersebut.

Kalam yang dimaksudkan dalam dua definisi di atas ialah ayat-ayat yang berkait antara satu sama untuk menyatakan satu idea. Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa "*nahu*" sebenarnya ialah kaedah untuk membina ayat yang bermakna. Hal ini telah disentuh oleh Rosdi (2002) yang menegaskan bahawa nahu ialah kaedah yang diguna pakai oleh penutur dalam membentuk ayat dan ia mempunyai peranan besar dalam penyampaian makna.

Definisi-definisi di atas secara jelas telah menyatakan kepentingan ilmu nahu dalam membentuk ayat yang boleh menyampaikan idea dengan tepat. Tanpa ayat yang betul, idea tidak akan difahami atau difahami secara salah. Definisi ini muncul sebagai reaksi kepada definisi klasik yang mengurung ilmu nahu dalam perbahasan "*i'rab*" semata-mata. Pengurungan ini telah melahirkan pelajar yang hanya boleh membaca teks Arab dengan baris yang betul serta memahami maknanya. Namun, pada masa yang sama, dia tidak dapat membina ayat dengan betul sama ada secara verbal mahupun bertulis. Malangnya, pada masa sekarang pengajaran nahu semakin mundur apabila ia hanya diajar semata-mata untuk menghafaz kaedah-kaedah nahu secara teori tanpa aplikasi dalam aktiviti membaca, menulis dan bertutur (Mat Taib, 2007).

Objektif Pembelajaran Nahu Arab

Objektif pembelajaran nahu boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama objektif analitik dan kedua objektif konstruktif. Objektif analitik bermaksud nahu diajar supaya pelajar dapat menganalisis teks Arab dan mencerakinkannya kepada komponen-komponennya. Seterusnya, dia dapat membaca teks tersebut dengan baris yang betul. Dalam BA proses ini dinamakan "*i'rāb*". Pada masa yang sama, nahu juga diajar supaya pelajar dapat memahami teks Arab yang didengar serta mampu mengesan sebarang kesilapan yang berlaku terutamanya dalam penetapan akhiran kalimah.

Objektif konstruktif pula bermaksud nahu diajar supaya pelajar dapat membina teks arab dengan betul sama ada secara bertulis mahupun verbal. Ia bermula dengan proses pemilihan kalimah yang tepat, kemudian penyusunan kalimah-kalimah tersebut menjadi ayat yang lengkap dan difahami. *I'rāb* adalah sebahagian daripada proses tersebut.

Ini bermaksud pengajaran nahu dari sudut objektif analitik bertujuan supaya pelajar apabila dia mendengar teks-teks Arab, dia mampu memahami makna leksikal setiap perkataan dan menentukan fungsi nahunya, membezakan antara ungkapan yang betul dan ungkapan yang salah, dan antara baris yang betul dan baris yang salah. Apabila dia membaca teks Arab pula, dia mampu membariskan setiap huruf akhir setiap perkataan dengan betul dan memahami maknanya. Manakala dari sudut objektif konstruktif pula ialah untuk menjadikan pelajar mampu membina teks Arab sama ada secara lisan mahupun bertulis. Ini bermakna, dia mesti pandai memilih perkataan dan menyusunnya dalam ayat, kemudian menetapkan situasi akhiran setiap perkataan tersebut (Yusoff, 2022).

Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)

Seperti disiplin-disiplin ilmu lain, definisi strategi pembelajaran bahasa (SPB) bermula dengan pernyataan umum dan ringkas. Kemudian ia dikembangkan oleh para pengkaji yang terkemudian. Dalam kajian ini pengkaji hanya merujuk kepada

definisi-definisi terbaru yang dikemukakan oleh para pengkaji kontemporari. Kebanyakan daripada definisi ini dikemukakan oleh sarjana barat dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris.

O'Malley dan Chamot (1990) telah berpandangan bahawa SPB ialah fikiran atau perilaku khusus yang digunakan oleh seseorang individu untuk memahami, mempelajari dan menyimpan maklumat baru. Chamot (1987) seperti yang dipetik oleh Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2010), kemudiannya telah mengembangkan definisi yang dikemukakan oleh Brown lalu mentakrifkan SPB sebagai teknik, pendekatan dan tindakan yang diambil dengan sengaja oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran dan proses mengingat semula kedua-dua aspek linguistik dan kandungan sebarang maklumat.

Sementara itu, Ehrman dan Oxford (1990) telah mendefinisikan SPB langkah-langkah dan tingkah laku secara sedar yang digunakan oleh pelajar bahasa untuk meningkatkan pemerolehan, penyimpanan, pengekalan, pengeluaran kembali dan penggunaan maklumat baru. Kemudian Oxford (1990) telah mengemukakan definisi yang lebih komprehensif apabila beliau menggambarkan bahawa SPB adalah langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh pelajar bagi menjadikan proses pembelajaran mereka lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih berbentuk sendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan dengan situasi baru.

Berdasarkan pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para pengkaji, pengkaji tempatan, iaitu Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2018) telah menyimpulkan SPB sebagai langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih sendiri, lebih efektif dan lebih senang dipindahkan ke suasana baru. Ia juga melibatkan prosedur mental dan komunikatif untuk mempelajari dan menggunakan bahasa dalam kerangka mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa.

Strategi Kognitif

Strategi kognitif adalah strategi yang paling popular dan paling banyak dibincang dalam pembelajaran bahasa asing. Ini kerana penguasaan bahasa asing menuntut proses kognitif yang kompleks sesuai dengan sistem bahasa itu sendiri yang kompleks. Selain itu, dari sudut pandang Islam kemahiran kognitif adalah faktor yang membezakan manusia daripada haiwan. Ia membolehkan manusia memahami dan menerima *taklif* atau pertanggungjawaban daripada Allah. Oleh yang demikian, mereka yang tidak mempunyai keupayaan kognitif yang sempurna seperti orang tidak siaman dan kanak-kanak yang masih kecil tidak dikenakan hukum *taklif*.

Dalam konteks BA, Allah telah berfirman dalam al-Quran:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkannya (kitab) sebagai al-Quran dalam bahasa Arab agar mudah-mudahan kamu berfikir.*
(12:2)

Daripada ayat di atas dapat difahami bahawa antara tujuan al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab ialah supaya manusia berfikir, iaitu satu proses kognitif. Tanpa proses berfikir manusia tidak akan dapat memahami BA. Tanpa memahami BA manusia tidak akan memahami kandungan al-Quran.

O'Malley dan Chamot (1990) menegaskan bahawa strategi kognitif menumpukan kepada kerja-kerja pembelajaran yang merangkumi manipulasi bahan pembelajaran secara berterusan dengan pelbagai cara berbeza. Ia melibatkan penggunaan sumber, penyusunan, ringkasan, penghuraian, perlambangan, pemindahan maklumat dan seumpamanya. Pendapat O'Malley disokong oleh Oxford (1990) yang menyatakan bahawa strategi kognitif bertujuan memanipulasikan bahasa dan membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan makna. Beliau membahagikan strategi kognitif kepada empat sub-strategi iaitu berlatih, menerima dan menghantar mesej, menganalisis dan menaakul, dan mencipta struktur untuk input dan output.

Berdasarkan pandangan O'Malley dan Oxford, boleh disimpulkan bahawa strategi kognitif ialah strategi yang menggunakan keupayaan akal dalam memanipulasi bahan-bahan pembelajaran dengan tujuan untuk memperolehi kemahiran berbahasa. Ini termasuklah mencatat, menyimpan dan menyusun nota serta mengulangkajinya, latihan berterusan, aplikasi, analisis, membuat justifikasi dan membuat perbandingan. Hal ini telah disimpulkan oleh Benson (2011) yang menyatakan dengan ringkas dan padat bahawa strategi kognitif ialah operasi yang dilakukan ke atas bahan-bahan yang dipelajari. Dalam konteks pembelajaran BA, bahan-bahan tersebut boleh datang dalam pelbagai bentuk sama ada bahan yang didengar atau bahan bertulis. Ini bermaksud, jika seseorang itu membaca al-Quran sambil menganalisis kepelbagaian baris akhir setiap kalimah, atau perbezaan antara "*muslimun*" (مسلمون) dan "*muslimin*" (مسلمين), maka dia sebenarnya sedang menggunakan strategi kognitif dengan menjadikan teks al-Quran sebagai bahan pembelajarannya.

Nahu & Strategi Kognitif

Nahu merupakan induk kepada BA. Tanpa pengetahuan yang baik dalam ilmu nahu seseorang itu tidak akan dapat menguasai kemahiran-kemahiran bahasa. Penguasaan nahu Arab menuntut proses kognitif yang kompleks. Ini kerana pelajar perlu menghafaz, mengingat, memahami dan mengaplikasi kaedah-kaedah nahu dalam semua semua aktiviti bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kaedah nahu bukan dipelajari untuk dihafaz semata-mata bahkan perlu diaplikasi. Nahu juga bukan matlamat sebaliknya hanya instrumen untuk menguasai kemahiran-kemahiran bahasa (Mat Taib, 2007). Aplikasi kaedah nahu dalam aktiviti bahasa merupakan proses kognitif yang diklsifikasikan sebagai kemahiran berfikir

aras tinggi (KBAT) yang sangat ditekankan dalam sistem pendidikan Malaysia hari ini. Oleh yang demikian, dalam pembelajaran nahu, pelajar perlu menggunakan pelbagai sub-strategi kognitif seperti mencatat nota dan mengulangkajinya, membuat peta minda untuk memudahkan hafazan dan menghafaz contoh ayat untuk setiap kaedah. Selain itu pelajar juga perlu membuat latihan sendiri seperti membaca bahan-bahan bacaan mudah dalam BA untuk mengaplikasi kaedah nahu yang dipelajari, dan membuat analisis nahu terhadap teks-teks arab yang digunakan setiap hari seperti bacaan dalam solat dan al-Quran.

Sub-Sub Strategi

Walaupun para pengkaji SPB bersetuju dengan strategi kognitif sebagai strategi utama dalam pembelajaran bahasa, namun setiap pengkaji berbeza pendapat dalam perinciannya. Oxford (1990) sebagai contoh telah membahagi strategi kognitif kepada empat sub-strategi utama iaitu berlatih, menerima dan menghantar mesej, menganalisis dan menaakul, dan mencipta struktur untuk input dan output. Beliau telah mencadangkan pelbagai aktiviti di bawah setiap sub-strategi seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1: Sub-strategi Kognitif dan Aktiviti oleh Oxford

Sub-strategi	Aktiviti
Berlatih	Mengulang - Berlatih menggunakan sistem bunyi dan tulisan - Mengenal pasti dan menggunakan formula dan pola - Membuat penggabungan semula - Berlatih secara semula jadi -
Menerima dan menghantar mesej	Mendapatkan idea dengan cepat - Menggunakan pelbagai sumber untuk menerima dan menghantar mesej -
Menganalisis dan menaakul	Menaakul secara deduktif - Menganalisis pernyataan - Menganalisis secara kontrastif - Menterjemah - Memindahkan maklumat -
Mencipta struktur untuk input dan output	Mengambil nota - Membuat ringkasan - Memberi penekanan -

Manakala O'Malley dan Chamot (1990) pula telah mengemukakan model yang lebih terperinci seperti jadual berikut:

Jadual 2: Sub-strategi dan Aktiviti oleh O'Malley dan Chamot (1990)

Sub-strategi	Aktiviti
Pengulangan	Pengulangan potongan-potongan daripada bahasa - (perkataan atau frasa) dalam konteks melaksanakan tugas bahasa
Menggunakan sumber	Menggunakan bahan-bahan rujukan seperti kamus, buku - teks, ensiklopedia dan karya lampau
Menyusun ikut kumpulan	Menyusun, mengelaskan, atau melabel bahan yang - digunakan dalam tugas bahasa berdasarkan ciri-ciri sepunya, mengingat kembali maklumat berdasarkan penyusunan kumpulan yang telah dilakukan sebelum ini
Mengambil nota	Mencatat kata kunci atau konsep dalam bentuk singkatan - lisan, grafik atau nombor untuk membantu prestasi tugas bahasa
Deduksi	Mengaplikasi secara sedar kaedah yang dipelajari atau - dibina sendiri untuk menghasilkan atau memahami bahasa sasaran
Substitution / mengganti	Memilih pendekatan alternatif, menyemak perancangan, - atau perkataan atau frasa berbeza untuk menyempurnakan tugas bahasa
Menghuraikan	Menghubungkan maklumat baru dengan pengetahuan - sedia ada, menghubungkan pelbagai bahagian daripada maklumat-maklumat baru antara satu sama lain dan membuat hubungan peribadi yang bermakna dengan maklumat yang dipersembahkan. Ia dilakukan dengan cara-cara berikut: Huraian peribadi: membuat penilaian atau reaksi peribadi .a terhadap bahan yang dipersembahkan. Huraian alami: menggunakan pengetahuan yang .b diperolehi daripada pengalaman di dunia Huraian akademik: menggunakan pengetahuan yang .c diperolehi dalam suasana akademik Huraian antara bahagian-bahagian: menghubungkan .d pelbagai bahagian daripada tugas antara satu sama lain. Huraian melalui persoalan: menggunakan gabungan .e antara persoalan dan pengetahuan alami to mencambah penyelesaian-penyelesaian logik terhadap tugas Huraian penilaian sendiri: menilai diri sendiri dalam .f hubungan dengan bahan-bahan Huraian kreatif: membuat tajuk utama, atau .g menggunakan perspektif pintar. Pengimejan: menggunakan gambaran mental atau .h gambar sebenar atau visual untuk melambangkan

maklumat yang dikodkan sebagai kategori berasingan tetapi dilihat sebagai satu bentuk huraian.

Meringkaskan	Membuat ringkasan mental, lisan atau tulisan untuk maklumat yang dikemukakan dalam satu-satu tugas
Terjemah	Menukarkan idea daripada satu bahasa kepada bahasa lain secara harfi
Memindahkan	Menggunakan maklumat bahasa yang telah diketahui untuk memudahkan tugas bahasa
Membuat kesimpulan	Menggunakan maklumat yang ada untuk meneka makna atau penggunaan item-item baru bahasa yang berkaitan dengan tugas bahasa, untuk meramal perkara baru, atau untuk melengkapkan maklumat yang kurang

Cadangan Oxford, dan O'Malley dan Chamot di atas adalah strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa secara umum. Untuk mengadaptasi cadangan tersebut dalam pembelajaran ilmu nahu Arab, kajian ini akan cuba merumuskan sub-strategi dan aktiviti yang sesuai dengan ciri-ciri nahu Arab secara khusus dan sumber-sumber pembelajaran BA yang unik dan berbeza daripada bahasa-bahasa lain. Hal yang demikian adalah kerana setiap bahasa mempunyai ciri-ciri unik yang tersendiri yang menuntut strategi, teknik dan aktiviti yang berbeza dalam proses pembelajarannya. Oleh yang demikian, kajian ini telah membahagikan strategi kognitif kepada lima sub-strategi utama dan setiap satunya dicadangkan aktiviti-aktiviti yang sesuai seperti berikut:

Jadual 3: Sub-strategi Kognitif dan Cadangan Aktiviti Pembelajaran Kendiri

Sub-Strategi Kognitif	Aktiviti
Sub-Strategi 1:	Mencatat nota semasa menghadiri kuliah -
Pengurusan Nota	Merumuskan kaedah nahu yang telah dipelajari dalam kuliah berdasarkan kefahaman sendiri -
	Membuat peta minda sendiri untuk topik-topik yg dipelajari dalam kuliah untuk memudahkan hafazan dan kefahaman -
	Merujuk buku atau nota nahu yang telah dibuat apabila menghadapi masalah nahu -
	Mencatat dan menghafaz satu ayat mudah untuk setiap kaedah sebagai contoh untuk rujukan -
	Menghafaz kaedah yang dipelajari dalam kuliah berdasarkan nota yang dicatat untuk tujuan memahami konsepnya -
	Mengulang kaji kaedah-kaedah nahu dan contoh-contoh ayat yang dipelajari berulang kali sehingga faham -

- Sub-Strategi 2: Berlatih membina ayat menggunakan kaedah nahu yang telah -
Latihan dipelajari untuk memahirkan diri dengan kaedah tersebut selepas kuliah
- Membuat latihan sendiri dan meminta guru/pensyarah -
menyemak hasil kerja
- Mengungkapkan idea sendiri dalam BA secara monolog -
menggunakan ayat yang lengkap
- Membaca bahan-bahan bacaan mudah dalam BA untuk -
membiasakan diri dengan struktur ayat BA
- Sub-Strategi 3: Membaca teks-teks Arab yang mudah untuk mengaplikasi -
Aplikasi kaedah nahu yang telah dipelajari
- Merujuk kembali kaedah-kaedah nahu dan mengaplikasinya -
dalam penulisan kerja kursus
- Membina terlebih dahulu ayat-ayat yang akan digunakan dalam -
pembentangan berdasarkan kaedah nahu yang telah dipelajari
sebelum membuat pembentangan lisan dalam BA
- Sub-Strategi 4: Membuat perbandingan antara struktur ayat BM dan BA -
Analisis Membuat perbandingan antara pelbagai pola ayat dalam BM -
Kontrastif dan BA
- Berlatih menterjemah teks BM kepada Arab berdasarkan -
struktur ayat BA
- Sub-Strategi 5: Cuba analisis kepelbagaian akhiran kalimah berdasarkan ilmu -
Analisis nahu yang telah dipelajari semasa membaca al-quran
- Sintaksis Menganalisis ayat-ayat dalam teks Arab yang digunakan setiap -
hari seperti doa, zikir dan ayat-ayat quran yang dibaca dalam
solat berdasarkan ilmu nahu yang telah saya pelajari
- Menganalisis teks-teks Arab popular dalam masyarakat Melayu -
seperti qasidah al-Barzanji berdasarkan ilmu nahu yang telah
dipelajari
- Mendengar bahan-bahan dalam BA dan menganalisis ayat-ayat -
yang digunakan berdasarkan ilmu nahu yang telah saya pelajari

*Adaptasi daripada Oxford dan O'Malley & Chamot

Pengurusan Nota

Mencatat nota merupakan elemen penting yang dapat membantu pelajar belajar dengan lebih baik dan memperoleh maklumat yang berguna ketika pembelajaran. Justeru, elemen-elemen mencatat nota seperti menggunakan singkatan perkataan serta lambang-lambang tertentu akan memudahkan proses pembelajaran seterusnya memudahkan pemahaman maklumat (Mohd. Najib & Nor Shafrin, 2008). Salah satu cara berkesan untuk mengingat isi-isi yang dicatat dalam nota ialah merumuskannya dalam bentuk peta minda. Peta minda adalah sangat sesuai digunakan untuk membuat nota pada sesebuah topik untuk suatu mata pelajaran berdasarkan prinsip penggunaannya. Ia membolehkan pelajar mengingat sesuatu dengan mudah di

samping menggabungkan serta menyeimbangkan kegunaan otak kanan dan otak kiri semasa belajar (Tee Tze Kiong et al., 2010).

Dalam pembelajaran apa-apa bahasa pun, kaedah tatabahasa perlu sentiasa diingati dan difahami. Untuk mengukuhkan ingatan dan kefahaman terhadap nota yang telah dicatat dan dirumus dalam peta minda, pelajar bahasa perlu membina satu ayat mudah berdasarkan kaedah yang telah dipelajari dan menghafaznya. Ayat tersebut boleh dijadikan rujukan pada masa depan. Selain itu, ulangkaji kaedah secara berterusan berdasarkan nota yang ditulis sendiri boleh membantu ingatan dan kefahaman.

Latihan & Aplikasi

Seperti yang sering ditegaskan, kaedah-kaedah nahu dipelajari bukan untuk dihafaz semata-mata. Ia perlu diaplikasi dalam situasi sebenar. Sebelum mengaplikasi, pelajar boleh berlatih terlebih dahulu. Sebagai contoh, sebelum pembentangan lisan dalam BA, mereka boleh berlatih terlebih dahulu dengan cara mengimajinasi situasi pembentangan sebenar dan bercakap dengan diri sendiri dengan ayat-ayat yang akan digunakan dalam pembentangan. Selain itu pelajar juga boleh mengimajinasi situasi sebenar dalam kehidupan dan membina ayat-ayat yang sesuai digunakan dalam situasi tersebut seperti situasi di pasar, di restoran, di kedai runcit, di masjid dan lain-lain yang menjadi rutin kehidupan. Aktiviti seperti ini dikenali sebagai “monolog”.

Perkara ini telah disentuh oleh De Guerrero (1991) yang mendakwa antara bentuk latihan yang strategik ialah praktis senyap sesuatu bahasa. Dakwaan ini adalah berdasarkan dapatan kajiannya mengenai ungkapan dalaman semasa latihan mental dalam bahasa kedua terhadap 426 orang pelajar Bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kedua (ESL). O'Malley & Chamot (1990) juga menegaskan bahawa latihan secara senyap (*silent rehearsal*) yang merupakan sebahagian daripada strategi pengulangan (*repetition*), merupakan strategi yang paling tinggi peratusan penggunaannya dalam kalangan pelajar ESL. Latihan secara senyap juga didapati sangat berguna bukan sahaja untuk tujuan praktikal seperti persediaan peperiksaan, bahkan juga untuk tugas yang lebih kreatif seperti imajinasi perbualan yang mungkin tidak pernah berlaku (De Guerrero, 1991).

Selain bermonolog dalam BA, pelajar juga sangat digalakkan membaca bahan-bahan mudah dalam BA seperti cerita kanak-kanak untuk membiasakan diri dengan struktur ayat BA. Bacaan tersebut perlu diiringi dengan aplikasi kaedah-kaedah nahu yang dipelajari. Pelajar boleh meningkatkan aras kesukaran teks yang dibaca apabila sudah mahir mengaplikasi kaedah-kaedah tersebut ke atas teks-teks mudah. Selain daripada membaca bahan-bahan mudah dalam BA, kaedah-kaedah nahu juga perlu diaplikasi dalam melaksanakan tugas lain dalam BA seperti penulisan kerja kursus dan pembentangan lisan. Di sini pelajar boleh merujuk kembali nota-nota yang telah dicatat jika menghadapi masalah dalam membina ayat yang betul.

Analisis Kontrastif

Analisis kontrastif adalah salah satu bidang kajian perbandingan antara bahasa. Walaubagaimanapun ia dikhususkan untuk perbandingan sesuatu kaedah secara

spesifik seperti perbandingan antara kata pelaku (*ism fa'il*) dalam bahasa Melayu (BM) dan BA, gaya bahasa penegasan (*tawkid*) dalam BM dan BA dan sebagainya (Yusoff, 2017). Teknik menganalisis secara terancang ini merupakan teori yang diasaskan oleh Bloomfield dan dikembangkan oleh ahli linguistik lain seperti Fries dan Lado pada tahun 1950-an (Naimah, 2010).

Antara halangan besar dalam pemerolehan bahasa asing ialah gangguan bahasa ibunda apabila tercampurnya sistem bahasa ibunda dengan sistem bahasa asing yang sedang dipelajari. Analisis kontrastif cuba menangani kesulitan tersebut dengan membandingkan kedua-dua sistem bahasa tersebut (Yusoff, 2017). Naimah (2010) berpendapat persamaan ciri-ciri bahasa ibunda dan bahasa kedua dengan bahasa sasaran akan memudahkan proses pengajaran. Sebaliknya ciri bahasa sasaran yang tidak terdapat dalam bahasa ibunda dan bahasa kedua akan menyukarkan proses penguasaan.

Oleh yang demikian, pelajar BA sangat digalakkan untuk membuat analisis kontrastif antara struktur asas ayat bahasa ibunda iaitu BM atau bahasa kedua iaitu BI dan bahasa sasaran iaitu BA. Selain itu, mereka juga boleh membuat perbandingan antara pelbagai pola ayat dalam kedua-dua bahasa seperti ayat tanya, ayat nafi, ayat syarat dan sebagainya. Setelah meneliti perbezaan dan persamaan antara kedua-dua bahasa pelajar boleh cuba menterjemah teks-teks BM kepada BA berdasarkan struktur ayat dan kaedah nahu BA.

Analisis Sintaksis

Sebagai negara majoriti umat Islam, terdapat banyak teks Arab yang digunakan secara meluas dalam masyarakat muslim Malaysia. Namun, ia tidak dieksploitasi secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran BA. Al-Quran contohnya, merupakan teks Arab yang paling fasih. Selain itu, ibadah solat juga dilaksanakan sepenuhnya dalam BA. Terdapat juga zikir dan doa yang sentiasa meniti di bibir seorang muslim termasuk pelajar BA yang boleh menjadi bahan pembelajaran BA yang sangat bermanfaat. Nasyid-nasyid Arab popular, qasidah al-Barzanji dan lain-lain lagi merupakan teks-teks Arab yang telah sehati dengan jiwa muslim di Malaysia. Pengkaji yakin, jika pelajar BA menghayati teks-teks ini, memahami maknanya dan menganalisis struktur ayatnya dengan menggunakan pengetahuan nahu yang telah dipelajari, nescaya penguasaan BA mereka terutamanya ilmu nahu boleh ditingkatkan ke tahap yang lebih baik.

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai hubungan antara penggunaan SBP secara am dan strategi pembelajaran tatabahasa (*Grammar Learning Strategies* - GLS) secara khusus di barat dengan tahap penguasaan bahasa yang dipelajari, namun kajian seumpama itu belum diteroka secara meluas di Malaysia khususnya dalam pembelajaran BA. Antara sebab kekurangan ini, pada pendapat pengkaji, ialah ketidakwujudan satu inventori yang selaras dalam strategi pembelajaran BA secara

am dan strategi pembelajaran nahu secara khusus. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada kewujudan inventori tersebut bagi memudahkan pengkaji-pengkaji pada masa depan.

Dalam konteks pembelajaran nahu, pelajar perlu diberi pendedahan mengenai strategi pembelajarannya. Hal ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran tersebut lebih mudah, menyeronokkan dan efektif. Nahu atau sintaksis merupakan satu sistem, peraturan dan undang-undang sesuatu bangsa yang diketahui oleh masyarakat penutur (Norjuwaini & Harun, 2021). Tanpa penguasaan nahu seorang pelajar BA tidak akan berjaya menguasai bahasa yang dipelajarinya. Seterusnya dia tidak akan dapat meneroka khazanah ilmu yang telah termaktub dalam BA khususnya ilmu-ilmu syariah.

Dari sudut lain pula, SBP adalah sesuatu yang boleh diajar dan boleh dilatih kepada pelajar (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010). Oleh yang demikian, pengetahuan mengenai strategi dan sub-strategi yang digunakan oleh pelajar BA boleh membantu pendidik BA merancang aktiviti pengajarannya. Penguasaan SPB juga dapat membantu pendidik BA untuk membimbing pelajar-pelajarnya menguasai sesuatu bahasa dengan pantas dan efektif (Lina Malini & Kamarul Shukri, 2014). Oleh yang demikian, seorang guru BA boleh memperbaiki kelemahan strategi pelajarnya jika dia mendapati pelajarnya lemah dalam pemilihan dan penggunaan SBP.

Antara punca kelemahan penguasaan pelajar dalam BA adalah penggunaan strategi yang salah atau kurang penggunaan strategi. Oleh yang demikian, sebelum guru melatih pelajarnya menggunakan strategi berkesan, guru perlu tahu tahap penggunaan strategi dalam kalangan pelajarnya. Strategi yang telah dan sedang digunakan perlu diperkukuhkan, manakala strategi yang belum digunakan perlu didedahkan kepada pelajar dan dilatih penggunaannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini bertujuan meneroka proses pemerolehan ilmu nahu Arab secara sendiri dalam kalangan peserta kajian. Secara khususnya ia bertujuan:

- i. Menentukan sub-strategi kognitif yang paling kerap digunakan oleh peserta kajian dalam pembelajaran nahu Arab
- ii. Mengukur tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran nahu Arab dalam kalangan peserta kajian

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik. Borang soal selidik telah diagih kepada peserta kajian secara dalam talian. Jumlah peserta kajian adalah 73 orang. Item-item soal selidik dibina berdasarkan model SPB yang dikemukakan oleh O'Malley & Chamot dan Oxford dengan sedikit ubah suai agar selari dengan ciri-ciri unik nahu Arab. Keunikan ini menuntut teknik dan aktiviti

pembelajaran yang berbeza dengan bahasa-bahasa lain khususnya dalam pembelajaran ilmu nahu. Manakala peserta kajian pula adalah pelajar teras Pendidikan Islam di IPG Kampus Ipoh yang memilih BA sebagai elektif teras.

Kaedah soal selidik dipilih sebagai alternatif kepada laporan sendiri kerana peserta kajian tidak mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai SBP. Soalan-soalan soal selidik telah dibahagikan kepada lima (5) bahagian mengikut sub-strategi, iaitu pengurusan nota, latihan, aplikasi, perbandingan kontrastif dan analisis sintaksis. Di bawah setiap sub-strategi, dicadangkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang berkaitan dengannya.

Tahap penggunaan strategi pula diukur berdasarkan skor min. Pemeringkatan skor min adalah seperti berikut:

Jadual 3: Pemeringkatan Skor Min

Skor Min	Tahap	Interpretasi skor min
0 – 2.99	Rendah	Penggunaan strategi yang sangat kerap
3 – 3.99	Sederhana	Penggunaan strategi tidak kerap
4 – 5	Tinggi	Penggunaan strategi yang sangat kurang

DAPATAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif pertama kajian, pengkaji membandingkan nilai purata skor min bagi setiap sub-strategi yang dikaji. Berikut adalah nilai purata skor min bagi setiap substrategi:

Sub-strategi 1: Pengurusan nota

Jadual di bawah menunjukkan skor min. bagi sub-strategi pengurusan nota.

Jadual 4: Skor Min. Sub-Strategi Pengurusan Nota

Bil.	Item	Skor					
		1	2	3	4	5	min
1	Saya mencatat nota semasa menghadiri kuliah	1	8	114	100	25	3.40
2	Saya merumuskan kaedah nahu yang telah saya pelajari dalam kuliah berdasarkan kefahaman saya sendiri	1	12	96	108	40	3.38
3	Saya membuat peta minda sendiri untuk topik-topik yg dipelajari dalam kuliah	1	48	75	72	25	3.02

	untuk memudahkan hafazan dan kefahaman						
4	Saya merujuk buku atau nota nahu yang telah saya buat apabila menghadapi masalah nahu	2	8	51	140	75	3.78
5	Saya mencatat dan menghafaz satu ayat mudah untuk setiap kaedah sebagai contoh untuk rujukan	2	20	105	84	30	3.57
6	Saya menghafaz kaedah yang dipelajari dalam kuliah berdasarkan nota yang saya catat untuk tujuan memahami konsepnya	0	16	117	80	30	3.33
7	Saya mengulang kaji kaedah-kaedah nahu dan contoh-contoh ayat yang dipelajari berulang kali sehingga faham	0	22	105	84	30	3.57
Purata min.							3.44

Berdasarkan jadual di atas, tahap penggunaan sub-strategi pengurusan nota berada pada tahap sederhana sahaja. Hal ini bermaksud peserta kajian tidak terlalu kerap menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan nota pelajaran. Daripada tujuh aktiviti yang disenaraikan, merujuk nota yang dibuat sendiri ketika menghadapi masalah nahu merupakan yang paling kerap dilakukan (min=3.78). Manakala membuat peta minda pula adalah aktiviti paling jarang dilakukan (min= 3.02).

Sub-strategi 2: Latihan

Jadual di bawah menunjukkan skor min bagi sub-strategi latihan.

Jadual 5: Skor Min bagi Sub-strategi Latihan

Bil.	Item	Skor					
		1	2	3	4	5	min
1	Selepas kuliah, saya berlatih membina ayat menggunakan kaedah nahu yang telah dipelajari untuk memahirkan diri dengan kaedah tersebut	2	50	93	56	5	1.55
2	Saya membuat latihan sendiri dan meminta guru/pensyarah menyemak hasil kerja saya	16	52	66	36	0	2.33
3	Saya mengungkapkan idea sendiri dalam BA secara monolog menggunakan ayat yang lengkap	3	44	90	56	20	2.92
4	Saya membaca bahan-bahan bacaan mudah dalam BA untuk membiasakan diri dengan struktur ayat BA	5	30	87	84	15	3.30
Purata min.							2.53

Purata skor min. yang ditunjukkan dalam jadual di atas menunjukkan bahawa tahap penggunaan sub-strategi latihan berada pada tahap rendah. Ini bermaksud para peserta kajian sangat jarang melakukan latihan untuk meningkatkan penguasaan nahu Arab. Aktiviti yang paling jarang dilakukan ialah latihan membina ayat berdasarkan kaedah nahu yang dipelajari dalam kuliah (min= 1.55). Hal ini membayangkan seolah-olah peserta kajian sekadar menghafaz kaedah untuk peperiksaan sahaja. Manakala aktiviti yang paling kerap dilakukan sebagai latihan ialah membaca bahan-bahan mudah dalam BA (min= 3.30).

Sub-strategi 3: Aplikasi

Jadual di bawah menunjukkan skor min. bagi sub-strategi aplikasi.

Jadual 6: Skor Min. Sub-strategi Aplikasi

Bil.	Item	Skor					
		1	2	3	4	5	min
1	Saya membaca teks-teks arab yang mudah untuk mengaplikasi kaedah nahu yang telah dipelajari	2	34	87	88	15	3.09
2	Ketika menulis kerja kursus, saya merujuk kembali kaedah-kaedah nahu dan mengaplikasinya dalam penulisan kerja kursus	2	16	66	120	55	3.55
3	Sebelum membuat pembentangan lisan dalam BA saya berlatih terlebih dahulu dengan membina ayat-ayat yang akan digunakan dalam pembentangan berdasarkan kaedah nahu yang telah dipelajari	2	16	57	128	60	3.60
Purata min.							3.42

Berdasarkan skor min. dalam jadual di atas, penggunaan sub-strategi aplikasi juga berada pada tahap sederhana. Ia juga membawa maksud bahawa para peserta kajian tidak mengaplikasikan kaedah-kaedah nahu yang dipelajar dengan kerap dalam aktiviti yang menuntut penggunaan BA seperti penulisan kerja kursus dan pembentangan lisan dalam BA. Inisatif mereka dalam membaca teks-teks mudah dalam BA untuk mengaplikasi kaedah nahu juga tidak menggalakkan. Malah ia adalah aktiviti yang paling jarang dilakukan (min= 3.09). Manakala aktiviti aplikasi yang paling kerap ialah membina terlebih dahulu ayat-ayat yang akan digunakan dalam pembentangan lisan (min= 3.60).

Sub-strategi 4: Analisis kontrastif

Jadual di bawah menunjukkan skor min. bagi sub-strategi aplikasi.

Jadual 7: Skor Min. Sub-strategi Analisis Kontrastif

Bil.	Item	Skor					
		1	2	3	4	5	min
1	Saya membuat perbandingan antara struktur ayat BM dan BA	1	16	66	124	55	3.58
2	Saya membuat perbandingan antara pelbagai pola ayat dalam BM dan BA	1	24	93	84	40	3.18
3	Saya berlatih menterjemah teks BM kepada arab berdasarkan struktur ayat BA	0	20	75	124	35	3.48
Purata min.							3.41

Seperti aplikasi, analisis kontrastif juga tidak begitu kerap digunakan oleh peserta kajian (min= 3.41). Daripada tiga aktiviti yang dicadangkan, perbandingan antara struktur ayat BM dan BA adalah yang lebih kerap dilakukan berbanding dua lagi aktiviti. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian kurang memberi perhatian terhadap persamaan antara kedua-dua bahasa mahupun perbezaan sedangkan pengetahuan ini boleh membantu mereka menguasai nahu Arab dengan lebih baik.

Sub-strategi 5: Analisis sintaksis

Jadual di bawah menunjukkan skor min. bagi sub-strategi aplikasi.

Jadual 8: Skor Min. Sub-strategi Analisis Sintaksis

Bil.	Item	Skor					
		1	2	3	4	5	min
1	Semasa membaca al-quran saya cuba analisis kepelbagaian akhiran kalimah berdasarkan ilmu nahu yang telah saya pelajari	1	30	52	104	25	2.90
2	Saya menganalisis ayat-ayat dalam teks arab yang digunakan setiap hari seperti doa, zikir dan ayat-ayat quran yang dibaca dalam solat berdasarkan ilmu nahu yang telah saya pelajari	3	34	78	84	30	3.13
3	Saya menganalisis teks-teks arab popular dalam masyarakat Melayu seperti qasidah al-Barzanji berdasarkan ilmu nahu yang telah saya pelajari	9	60	69	44	0	2.63
4	Saya mendengar bahan-bahan dalam BA dan menganalisis ayat-ayat yang digunakan berdasarkan ilmu nahu yang telah saya pelajari	4	42	96	56	10	3.53

Purata min.**3.05**

Berdasarkan purata min (3.05) dalam jadual di atas, analisis sintaksis terhadap teks-teks Arab juga tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada peserta kajian walaupun teks-teks ini sering meniti dibibir mereka seperti al-Quran, qasidah al-Barzanji, doa-doa dan zikir-zikir harian. Malah, analisis teks al-Quran dari sudut nahu (min= 2.90) adalah aktiviti yang paling kurang dilakukan seolah-olah mereka hanya sekadar membaca tanpa inisiatif untuk memahami kandungannya. Hal ini juga menunjukkan bahawa mereka tidak memanfaatkan sepenuhnya bahan-bahan yang asli dan malar segar dalam BA untuk meningkatkan penguasaan BA mereka.

Selepas perbandingan antara nilai-nilai skor min. bagi setiap sub-strategi di atas, maka didapati sub-strategi pengurusan nota adalah yang paling kerap diamalkan oleh peserta kajian. Ini menunjukkan bahawa para peserta kajian agak menitikberatkan nota pelajaran, namun mereka masih perlu dibimbing ke arah mempelbagaikan gaya pengurusan nota mereka seperti menukarnya kepada peta minda, menghafaz ayat contoh dan merumuskan sendiri maklumat berdasarkan kefahaman sendiri.

Bagi mencapai objektif kedua kajian pula pengkaji menentukan purata min. bagi kelima-lima sub-strategi tersebut. Jadual berikut menunjukkan purata skor min. bagi setiap sub-strategi kognitif yang digunakan oleh peserta kajian ini dan nilai puratanya:

Jadual 9: Purata Skor Min. bagi Setiap Sub-strategi Kognitif dan Puratanya

Bil.	Sub-strategi	Skor min.
1	Pengurusan nota	3.44
2	Latihan	2.53
3	Aplikasi	3.42
4	Analisis kontrastif	3.41
5	Analisis sintaksis	3.05
Nilai purata		3.17

Berdasarkan purata skor min. di atas, dapat disimpulkan bahawa tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran nahu Arab dalam kalangan peserta kajian berada pada tahap sederhana sahaja (purata min. 3.17). Pengurusan nota merupakan sub-strategi yang paling kerap digunakan manakala latihan adalah sub-strategi yang paling jarang digunakan. Secara tersiratnya, boleh diandaikan bahawa peserta kajian agak menitikberatkan nota pelajaran namun tidak memanfaatkan nota tersebut untuk aktiviti bahasa lain yang melibatkan ilmu nahu.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran nahu Arab dalam kalangan peserta kajian masih pada tahap yang tidak

memberangsangkan. Peserta kajian didapati tidak memanipulasi bahan-bahan pembelajaran Bahasa Arab yang terdapat dengan banyaknya di sekeliling mereka secara optimum. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Suhaidah et al. (2014) yang menyatakan bahawa tahap penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran bahasa Arab bagi subjek kajian beliau adalah sederhana dan merupakan strategi yang paling kurang digunakan oleh pelajar cemerlang dan sederhana. Hal ini mungkin kerana mereka tidak sedar kepentingan dan manfaat yang terdapat pada bahan-bahan tersebut. Ini menuntut tunjuk ajar yang lebih berkesan daripada para pendidik.

Banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan dapatan ini. Antaranya ialah faktor kesuntukan masa. Hal ini kerana BA merupakan bidang elektif teras bagi peserta kajian. Sedangkan fokus utama mereka lebih terarah kepada bidang teras, iaitu Pendidikan Islam. Di samping itu, pelbagai aktiviti lain yang merupakan tuntutan belajar di IPG menyuntukkan lagi masa mereka untuk belajar BA khususnya ilmu nahu.

Kekurang motivasi belajar bahasa Arab dalam kalangan peserta kajian juga boleh dikaitkan dengan hasil dapatan di atas. Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2009), Albab (2019) dan Nur Afifah Fadzil et al. (2022) dalam kajian mereka mengenai korelasi antara SPB dan motivasi belajar bahasa Arab telah menegaskan bahawa terdapat perkaitan signifikan di antara motivasi dengan SPB. Hal ini menuntut satu kajian khusus mengenai tahap motivasi peserta kajian.

Selain itu, tiadanya pengetahuan peserta kajian mengenai strategi belajar nahu bahasa Arab yang betul juga mungkin menjadi faktor lain kepada dapatan kajian ini. Walaupun SPB adalah suatu yang boleh diajar kepada pelajar bahasa (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010), namun kebanyakan guru bahasa tidak melakukannya secara sistematik. Oleh yang demikian, langkah-langkah segera perlu dilakukan oleh pendidik bahasa Arab untuk mengatasi masalah ini.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan peserta kajian tidak kerap menggunakan strategi kognitif dalam pembelajaran ilmu nahu Arab. Hal ini mungkin disebabkan tiadanya pengetahuan mengenai strategi pembelajaran yang betul di samping masa yang suntuk kerana BA adalah bidang elektif teras sahaja bagi mereka. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab pendidik BA melatih mereka menggunakan strategi ini. Strategi yang betul, walaupun pada masa yang singkat, boleh membantu penguasaan BA. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan-dapatan kajian lepas seperti Suhaidah et al. (2015), Kamarul Zaman (2016) dan Norjuwaini & Harun (2021) dari sudut tahap penggunaan SBP. Hal ini menuntut usaha yang lebih giat lagi daripada para pendidik BA dalam mengajar SBP kepada penuntut BA dan melatih mereka menggunakannya dengan berkesan.

CONFLICTS OF INTEREST: The authors declare that they have no conflicts of interest.

ETHICS STATEMENT: This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants and strict confidentiality maintained.

RUJUKAN

- Abduh, Dawud. (1979). *Nahwa Ta'alim al-Lughah Wazifiyyan*. Kuwait: Mu'assasah Dar al-'Ulum.
- Albab, U. (2019). Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing. *Tamaddun: Jurnal Kebudayaan dan Sastra Islam*, 19(1), 32-48.
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Rofiee, M. M. (2022). Hubungan Motivasi Pelajar Terhadap Penguasaan Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*, 7(1), 194-210.
- Anderson, Neil J. (2005). *L2 Learning Strategies*, Dlm. Hinkel, E., *Handbook of Research in Second Language Teaching and Learning*, London, UK: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Hinkel, E. (2011). *Handbook of Research in Second Language Teaching and Learning*. Vol. 2. Routledge.
- Benson, P., (2011). *Teaching and Researching Autonomy*, London, UK: Routledge, Taylor & Francis Group, 2nd Edition.
- Benson, P. (2011). *Teaching and Researching*. Taylor & Francis.
- Chamot, A.U. (2004). Issues in Language Learning Strategy Research and Teaching. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching*, 1(1), 14-26.
- Ehrman, M.E & Oxford, R. (1990), Adult Language Learning Styles and Strategies in an Intensive Training Setting. *The Modern Language Journal*, 74(3), 311-327.
- Guerrero, Maria C. M. de. (1991). *Mental Rehearsal as a Second Language Learning Strategy*, Paper presented at the Annual Meeting of the Teachers of English to Speakers of Other Languages (New York, NY, March 24-28, 1991).
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2009). Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dengan Tahap Penguasaan Bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41-56.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Linamalini Mat Nafi. (2014). Strategi Pembelajaran Bahasa: Satu Pengenalan Konsep dan Model. *Jurnal KIAS*, (9)1, 172-197.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamad Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi dengan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab, *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 109-123.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamad Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rahimi, N. M., Harun Baharudin, G. Y., Teh, K. S. M., & Embi, M. A. (2010). Pembelajaran Konsonan Arab mengikut Pelat Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 1-14.
- Kamarul Zaman Abdul Ghani. (2016). Strategi Pembelajaran Nahu Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 1(6), 57-71.

- Linamalini Mat Nafi & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021). Istikhdām Istiratijyyah Ta'allum al-Lughah al-'Arabiyyah laday al-Ṭalabah fi Kuliyyah al-Sultan Isma'il Petra al-Islamiyyah al-'Alamiyyah. *Rabbanica*, (2)2, 195-214.
- Mat Taib Pa. (2007). *Dasar-dasar Utama Pengajaran Nahu Arab di Malaysia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Najib Abdul Aziz & Nor Shafrin Ahmad, (2008). Kemahiran Belajar dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Daerah Kerian, Perak. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, (23), 29-47.
- Mohd. Rosdi Ismail. (2002). *Sintaksis Bahasa Arab Mikro*. Kota Bharu: Arabic Language & Consultancy.
- Mustafa, Ibrahim. (2014). *Ihya' al-Nahw*. Hindawi: Foundation for Education and Culture.
- Naimah Abdullah. (2010). Analisis Perbandingan Bahasa Sebagai Strategi Pengajaran yang Berkesan, dalam *Pengajaran Bahasa Arab: Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru*. Dlm. Che Radiah Mezah, Serdang, Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norjuwaini Hanis Jamaluddin & Harun Baharudin. (2021). Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu dan Penguasaan Kata Kerja Arab dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, (1)2, 86-97.
- O' Malley, J.M & Chamot, A.U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*, Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Siti Aishah Muslim, Nik Hannan Mustafa, Ridwan Abu Bakar & Tengku Ainul Farhah Tengku Abdul Rahman. (2018). Istiratijyyah Ta'allum al-Nahw laday Darisi al-Lughah al-Arabiyyah min al-Natiqin bi Ghairiha. *Journal of Islam in Asia*, (15)3, 155-190.
- Suhaidah Abdul Samat, Sofian Abdullah & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2015). Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Negeri Perak. *The Online Journal of Islamic Education*, Special Issue, (3), 1-11.
- Tee Tze Kiong, Jailani Md Yunos, Baharom Mohamad, Widad. Othman & Yee Mei Heong, (2010). *Kepentingan Peta Minda Sebagai Alat Berfikir dalam Mengambil Nota Kuliah*. 15th International Conference on Education, 24-27 Mei 2010, Brunei.
- Yusoff Yaacob. (2017). Penerapan Teknik Analisis Kontrastif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Nahu untuk Meningkatkan Kemahiran Pelajar Membina Ayat Nafi Tunggal dalam Bahasa Arab: Kajian Terhadap Pelajar PISMP Pendidikan Islam IPG Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, (8), 252-262.
- Yusoff Yaacob. (2022). Musykilah al-Nahw Qadiman wa Hadithan wa Waqi' Ta'alimih fi Maliziya: Qiraah Naqdiyyah. *Majallah al-Dirasat al-Lughawiyah wa al-Adabiyyah*, 13(3), 69-91.